

# TERAJU

PENERAJU BUMIPUTERA



**MEMACU AGENDA BUMIPUTERA :**

**ADAKAH TERAJU MASIH BERADA  
DI LANDASAN YANG BETUL DAN  
MEMBERI IMPAK DALAM MEMBANTU  
MENINGKATKAN SOSIOEKONOMI  
BUMIPUTERA DI MALAYSIA?**


**Oleh Penyelidikan, Analitik & Teknologi Maklumat (RAIT)**

# **MEMACU AGENDA BUMIPUTERA: ADAKAH TERAJU MASIH BERADA DI LANDASAN YANG BETUL DAN MEMBERI IMPAK DALAM MEMBANTU MENINGKATKAN SOSIOEKONOMI BUMIPUTERA DI MALAYSIA?**

*Oleh Penyelidikan, Analitik & Teknologi Maklumat (RAIT)*

## **PENGENALAN**

Sejak kemerdekaan, kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan sosioekonomi dikalangan Bumiputera dengan mewujudkan dasar-dasar dan agenda bagi membantu Bumiputera di Malaysia. Inisiatif pembangunan Bumiputera ini telah bermula seawal tahun 1956 di mana Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) ditubuhkan untuk membasmi kemiskinan di kalangan penduduk Bumiputera. Ianya diikuti oleh inisiatif-inisiatif seterusnya seperti penganjuran Kongres Ekonomi Bumiputera 1 (1965), Dasar Ekonomi Baru (1971-1990), Dasar Pembangunan Nasional (1991-2001), Dasar Wawasan Nasional (2001-2011), Dasar Transformasi Nasional (2011-2020), pelaksanaan Halatuju Transformasi Ekonomi Bumiputera dan Unit Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (UPEB) di Kementerian (2013) dan yang terkini merupakan Wawasan Kemakmuran Bersama (2021-2030)..



Agenda Bumiputera telah membantu menaikkan taraf kehidupan Bumiputera dari segi pendapatan, pemilikan kekayaan dan juga mengurangkan ketidaksamarataan antara Bumiputera dan bukan Bumiputera. Pendapatan purata Bumiputera telah berkembang sebanyak 41 kali ganda sejak tahun 1970, aset di bawah pengurusan Permodalan Nasional Berhad (PNB) juga telah berkembang sebanyak 89 kali ganda sejak 1981 dan ketidaksamarataan antara Bumiputera dan bukan Bumiputera dapat dilihat melalui penurunan sebanyak 16.52% iaitu daripada 0.466 pada tahun 1970 kepada 0.389 pekali Gini pada tahun 2019.

Walaupun kejayaan telah dicapai dalam usaha meningkatkan taraf hidup Bumiputera, kedudukan sosio-ekonomi Bumiputera masih perlu dilonjakkan. Secara perbandingan, pendapatan Bumiputera masih ketinggalan dan di bawah purata pendapatan Malaysia manakala dalam aspek tenaga kerja mahir pekerja Bumiputera dalam pekerjaan mahir adalah lebih rendah berbanding etnik Cina dan India. Selain itu, majoriti perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Bumiputera hanya bersaiz mikro, bilangan transaksi harta tanah kediaman Bumiputera adalah lebih rendah berbanding bukan Bumiputera dan dari segi nilai keseluruhan transaksi harta tanah kediaman Bumiputera adalah lebih rendah berbanding bukan Bumiputera, Tanah Rizab Melayu yang dimajukan tidak diganti dengan segera dan pemilikan ekuiti Bumiputera masih di bawah sasaran 30% sementara pemilikan asing meningkat dengan ketara.

Mengambil kira keadaan ini, kerajaan telah mewujudkan Majlis Kemakmuran Bumiputera (MKB) sebagai platform tertinggi untuk memperkasa pembangunan sosio ekonomi Bumiputera. Kerajaan juga telah mengamanahkan Unit Peneraju Agend Bumiputera (TERAJU) menjadi Agensi Penyelaras Utama dalam pembangunan sosio-ekonomi Bumiputera.

Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) ditubuhkan pada tahun 2011 oleh Jabatan Perdana Menteri sebagai unit strategik yang berperanan untuk meneraju, memacu dan menyelaras penyertaan Bumiputera dalam ekonomi negara. Sejak dari penubuhan TERAJU, agensi ini dipacu berdasarkan enam bidang keutamaan iaitu, memperkukuhkan modal insan, meningkatkan ekuiti korporat, meningkatkan pemilikan kekayaan, meningkatkan pemilikan aset bukan kewangan, memperkukuhkan keusahawanan dan memperkukuhkan sistem penyampaian. Pelbagai inisiatif-inisiatif telah dilaksanakan berdasarkan bidang-bidang keutamaan untuk pembangunan ekonomi Bumiputera melalui kerjasama strategik dengan agensi-agensi kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Walaubagaimanapun, adakah penubuhan TERAJU berjaya memberi impak kepada pembangunan Bumiputera secara keseluruhannya? Bagi menjawab persoalan ini, satu kajian empirikal terhadap kemampuan enam (6) bidang keutamaan yang menjadi tumpuan TERAJU dalam memacu agenda Bumiputera dilaksanakan bagi mengenal pasti keupayaan setiap satu bidang keutamaan adalah relevan bagi memastikan TERAJU berada dalam landasan yang betul dalam membantu meningkatkan sosioekonomi Bumiputera. Secara terperinci objektif kajian adalah seperti berikut;



“

Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) ditubuhkan pada tahun 2011 oleh Jabatan Perdana Menteri sebagai unit strategik yang berperanan untuk meneraju, memacu dan menyelaraskan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi negara.

- i. Untuk membentuk model dan mengukur keanjalan pendapatan penengah di kalangan Bumiputera di Malaysia.
- ii. Untuk menilai kesan enam (6) bidang keutamaan terhadap pendapatan penengah Bumiputera

dimana sasaran pendapatan penengah bulanan Bumiputera adalah 1:1:1 antara Bumiputera, Cina dan India iaitu bersamaan dengan RM5,169.12 seperti yang disasarkan oleh Wawasan Kemakmuran Bumiputera 2030 (WKB2030).


## KAEDAH KAJIAN

Kajian ini melalui dua (2) kaedah kajian iaitu regresi analisis menggunakan Ordinary Least Square (OLS) bagi memperoleh keanjalan bagi setiap bidang keutamaan. Model kajian adalah seperti dibawah:

$$\ln\_IC = \alpha + \beta_1 \ln\_HC + \beta_2 \ln\_ENT + \beta_3 \ln\_PKS + \beta_4 \ln\_WO + \beta_5 \ln\_NFA + \beta_6 \ln\_EQ + \beta_7 \ln\_TMR + \beta_8 \ln\_EQ + \epsilon$$

Dalam kajian ini, purata pendapatan pekerja bulanan (AV\_IC) merupakan pembolehubah yang hendak dikaji manakala pembolehubah yang dikaji adalah modal insan (HC) diwakili oleh bilangan pekerja mahir dikalangan Bumiputera, keusahawanan (ENT) diwakili oleh Bilangan Perusahaan Kecil Sederhana Bumiputera (PKS), pemilikan kekayaan (WO) diwakili oleh bilangan unit ASB yang dimiliki oleh Bumiputera, pemilikan aset bukan kewangan (NFA) diwakili oleh Bilangan Tanah Rizab Melayu dan Pemilikan Ekuiti Korporat (EQ) diwakili oleh peratusan ekuiti korporat yang dimiliki oleh Bumiputera. Manakala sistem penyampaian diwakili oleh dummy<sup>1</sup> dimana satu (1) merujuk kepada kewujudan TERAJU sebagai pemacu agenda Bumiputera dan (0) sebaliknya.

Kemudian, kaedah kedua adalah melalui unjuran berdasarkan nilai keanjalan<sup>2</sup> yang diperolehi dari kaedah pertama akan digunakan untuk unjuran bagi ramalan untuk pendapatan penengah bulanan Bumiputera bagi tahun 2021 sehingga 2030. Kajian impak dilaksanakan berdasarkan lima (5) senario seperti berikut:



<sup>1</sup> Dummy yang diwakili oleh kewujudan TERAJU adalah seperti berikut: Dummy (0) adalah dari tahun 2011 – 2014 manakala Dummy (1) adalah dari tahun 2015 – 2020. Walaupun TERAJU ditubuhkan pada tahun 2011, impak daripada penubuhan dapat dilihat pada tahun 2015 kerana setiap inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan mengambil masa untuk menunjukkan impak.

<sup>2</sup> Nilai keanjalan bagi setiap pembolehubah dibahagi kepada separuh. Ini adalah kerana impak keanjalan adalah kurang elastic disebabkan kadar pergerakan ekonomi yang perlahan hasil daripada krisis pandemik Covid-19



i. **Meningkatkan 5% jumlah pekerja mahir dalam Modal Insan**

Diunjurkan bahawa tambahan lebih kurang 780,000 pekerja mahir Bumiputera diperlukan untuk mencapai sasaran RMKe-12. Berdasarkan unjuran, peningkatan sebanyak 5% diperlukan dalam Modal Insan.

ii. **Meningkatkan 30% jumlah bilangan usahawan dalam Keusahawanan**

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Bumiputera hanya mewakili 39.1% daripada jumlah PKS di Malaysia dan majoriti PKS Bumiputera adalah bersaiz mikro. Berdasarkan unjuran, peningkatan sebanyak 30% diramalkan dalam meningkatkan jumlah usahawan dikalangan Bumiputera.

iii. **Meningkatkan sebanyak 9% bilangan unit ASB yang dimiliki oleh Bumiputera mewakili Pemilikan Kekayaan**

Berdasarkan unjuran sasaran WKB 2030, sebanyak RM4,495.65 diunjurkan bagi aset kewangan Bumiputera. Untuk mencapai sasaran tersebut peningkatan sebanyak 9% dalam pemilikan aset kekayaan disasarkan.

iv. **Meningkatkan sebanyak 2% keluasan Tanah Rizab Melayu mewakili Aset Bukan Kewangan**


Pergantian bilangan Tanah Rizab Melayu yang diambil bagi tujuan pembangunan. Unjuran sebanyak 2% diperlukan bagi menggantikan tanah yang belum diganti untuk tujuan pembangunan.

v. **Meningkatkan 30% ekuiti Bumiputera dalam Pemilikan Ekuiti Korporat**

Kerajaan telah mensasarkan peningkatan 30% peratus pemilikan saham ekuiti Bumiputera sejak 1990. Sehingga kini sasaran ini masih belum dicapai.

Carta aliran kaedah kajian dapat dilihat dalam Rajah 1. Data yang digunakan dalam kajian ini merupakan data tahunan daripada tahun 2011 sehingga 2020.

### Rajah 1: Aliran kaedah kajian



## HASIL DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan Jadual 1, keenam-enam Bidang Keutamaan di bawah TERAJU mempunyai hubungan yang positif dan sangat signifikan sebanyak 1% dan 5% terhadap peningkatan pendapatan penengah bulanan Bumiputera. Dapatan kajian mendapati Bidang Keutamaan yang menjadi teras utama TERAJU dalam memacu agenda Bumiputera masih relevan dan harus diberi penumpuan sepenuhnya.

Melihat daripada keenam-enam teras utama didapati Modal Insan mencatatkan nilai keanjalan yang tinggi sebanyak 1.743 merujuk kepada tahap modal insan bertindak balas dengan pendapatan penengah jika dibandingkan dengan lima (5) teras utama di bawah TERAJU.

**Jadual 1: Hubungan 6 Bidang Keutamaan dengan Pendapatan penengah Bumiputera**

Pendapatan Penengah <sup>3</sup>	Keanjalan <sup>1</sup>	Sisihan Piawai	t-statistic	P>t	[95% Conf. Interval]	
<i>Modal Insan</i>	1.743***	0.250	6.98	0.006	0.948	2.537
<i>Keusahawanan</i>	0.264***	0.007	38.46	0.000	0.242	0.286
<i>Pemilikan Kekayaan</i>	0.637***	0.095	6.68	0.007	0.334	0.941
<i>Pemilikan Aset Bukan Kewangan</i>	0.294***	0.046	6.39	0.008	0.148	0.441
<i>Ekuiti Korporat</i>	0.217***	0.027	8.06	0.004	0.131	0.303
<i>Sistem Penyampaian</i>	0.016**	0.004	3.93	0.029	0.003	0.030
<i>Pemalar</i>	-44.173***	1.876	-23.54	0.000	-50.145	-38.202

Nota: \* (\*\*) \*\*\* menunjukkan signifikan masing-masing pada 10%, 5% dan 1%. Pembolehubah berada dalam log semulajadi untuk diukur sebagai keanjalan.

Selain itu, Sistem Penyampaian yang diwakili oleh kewujudan TERAJU juga menunjukkan impak positif dalam meningkatkan pendapatan penengah Bumiputera. Sepanjang penubuhan TERAJU, TERAJU telah berjaya mencipta sebanyak RM146.32 bilion untuk Bumiputera, mencipta RM14.79 bilion pelaburan swasta Bumiputera dari Dana Mudahcara, serta mencatat sebanyak RM10.07 bilion modal pasaran daripada penyenaian syarikat-syarikat Bumiputera di Bursa Malaysia.

<sup>3</sup> Dalam ekonomi, keanjalan adalah pengukuran peratusan perubahan satu pemboleh ubah ekonomi sebagai tindak balas terhadap perubahan yang lain. Pemboleh ubah elastik adalah pembolehubah yang bertindak balas lebih daripada berkadar dengan perubahan pemboleh ubah lain.

Seterusnya, kajian impak terhadap senario-senario dapat dilihat pada Jadual 2. Setiap nilai senario yang diunjurkan menunjukkan perubahan senario berdasarkan nilai keanjalan yang ditentukan dari Jadual 1. Melihat kepada unjuran ramalan pendapatan penengah bulanan Bumiputera bagi setiap satu senario tersebut, ianya tidak mampu untuk mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu RM5,169.12. Hal ini dapat dilihat pada unjuran ramalan senario 1 (S1), senario 2 (S2), senario 3 (S3), senario 4 (S4) dan senario 5 (S5) masing-masing. Walaubagaimanapun, sekiranya kelima-lima senario ini dilaksanakan secara serentak (Rujuk Senario S1, S2, S3, S4 dan S5), pendapatan penengah bulanan Bumiputera yang diunjurkan pada tahun 2030 (RM5,390) akan melepasi sasaran WKB 2030.

**Jadual 2: Nilai Ramalan Purata Pendapatan Median bagi Bumiputera di Malaysia**

Tahun	2022			2025			2030			
Pendapatan Penengah	Pendapatan Penengah	Δ	%	Pendapatan Penengah	Δ	%	Pendapatan Penengah	Δ	%	
<b>Baseline<sup>4</sup></b>	2,721	TB	TB	2,962	TB	TB	3,464	TB	TB	
<b>Senario % berubah kerana inisiatif</b>	<b>Senario (S1)</b>		178	4.97	3,343	380	9.76	4,140	676	14.82
	<b>Senario (S2)</b>	2,827	106	2.97	3,113	151	3.88	3,649	184	4.04
	<b>Senario (S3)</b>	2,800	79	2.22	3,172	209	5.37	4,090	625	13.72
	<b>Senario (S4)</b>	2,729	8	0.23	2,974	12	0.31	3,478	14	0.30
	<b>Senario (S5)</b>	2,780	60	1.66	3,088	125	3.22	3,656	191	4.19
	<b>Senario (S1, S2, S3, S4, S5)</b>	3,152	432	12.06	3,898	935	24.00	<b>5,390</b>	1,925	42.23

Nota 1: Median dikira dengan 76% daripada pendapatan min

TB: Tidak Berkaitan

S1: Meningkatkan Modal Insan sebanyak 5%

S2: Meningkatkan 30% dalam Keusahawanan

S3: Meningkatkan 9% dalam Pemilikan Kekayaan

S4: Kenaikan 2% dalam Aset Bukan Kewangan

S5: Meningkatkan 30% dalam Pemilikan Ekuiti Korporat

Sasaran WKB 2030 untuk  
Pendapatan Penengah  
Bulanan Bumiputera:  
**RM5,169.12**

Dapatan kajian mendedahkan bahawa, tanpa inisiatif-inisiatif atau program-program dilaksanakan pada 6 Bidang Keutamaan tersebut ianya akan sukar untuk meningkatkan pendapatan penengah bulanan Bumiputera mengikut sasaran WKB2030. Walaubagaimanapun, inisiatif atau program yang memberi tumpuan atau fokus pada satu-satu Bidang Keutamaan sahaja juga tidak mampu mencapai sasaran WKB 2030. Inisiatif-inisiatif atau program-program tersebut perlu dilaksanakan ke atas kesemua Bidang Keutamaan tanpa mengabaikan satu pun bidang dalam memaksimumkan pendapatan penengah Bumiputera dan mencapai sasaran tersebut.

<sup>4</sup> Baseline ialah ramalan yang dijalan tanpa keterlibatan inisiatif atau program, Business As Usual (BAU) terhadap unjuran pendapatan penengah Bumiputera.





“Adakah TERAJU masih berada di landasan yang betul dan memberikan impak dalam membantu meningkatkan sosioekonomi Bumiputera di Malaysia?”

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, enam (6) bidang keutamaan yang menjadi teras utama yang diberi tumpuan oleh TERAJU sejak penubuhannya masih relevan dan telah dikenal pasti sebagai penentu untuk meningkatkan pendapatan penengah bulanan Bumiputera sekaligus membantu dalam meningkatkan sosioekonomi Bumiputera di Malaysia. Bidang-bidang keutamaan mempunyai impak yang berbeza-beza berdasarkan keanjalan yang diperolehi menunjukkan kemampuannya bertindak dalam satu keadaan yang sama.

Unjuran pendapatan penengah bulanan Bumiputera pada tahun 2030 tidak akan mencapai sasaran WKB2030 tanpa ada inisiatif dan program untuk dijalankan. Ianya tidak akan mencapai sasarannya sekiranya penumpuan diberikan hanya pada satu-satu bidang keutamaan sahaja. Inisiatif-inisiatif atau program-program perlu dilaksanakan pada kesemua enam (6) Bidang Keutamaan secara menyeluruh bagi memastikan sasaran pendapatan penengah bulanan Bumiputera pada tahun 2030 mencapai sasarannya.

Akhir sekali, bagi menjawab persoalan **“Adakah TERAJU masih berada di landasan yang betul dan memberikan impak dalam membantu meningkatkan sosioekonomi Bumiputera di Malaysia?”** Artikel ini dengan pasti menjawab **“YA”** dan **“YA”** untuk persoalan tersebut. TERAJU harus merangka dan merancang sebanyak mungkin inisiatif-inisiatif dan program-program berdasarkan Bidang Keutamaan bersama pemegang taruh dan agensi-agensi yang bermandat Bumiputera dalam memacu agenda Bumiputera untuk mencapai sasaran WKB2030 kelak.



JABATAN PERDANA MENTERI

TERAJU  
PENERAJU BUMIPUTERA

Ikuti Kami di



[www.teraju.gov.my](http://www.teraju.gov.my)